

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SEU404 - Ekonomi Pembangunan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja.

1. (a) Apakah implikasi perkembangan dan kestabilan ekonomi jika import adalah berfungsi kepada perbelanjaan negara $\{M = f(E)\}$, dan bukan kepada pendapatan negara $\{M = f(Y)\}$?
(12 markah)

(b) Apakah syarat-syarat yang membolehkan $M = f(E)$ dan $M = f(Y)$ mempunyai implikasi yang sama? Buktikan.
(13 markah)

2. Dalam realiti eksport negara bukan suatu pembolehubah bebas tetapi ia sangat bergantung kepada perkembangan ekonomi negara asing.

(a) Jika dua buah negara V dan W mempunyai perhubungan perdagangan dengan negara V memulakan eksport, tunjukkan secara gambarajah dua pusingan "pantulan asing" yang dialami oleh kedua-dua negara V dan W.
(8 markah)

(b) Jika nilai eksport mula negara V ialah \$100 juta dengan nilai MPSnya = 0.3 dan MPM = 0.2 manakala negara W mempunyai nilai MPS = 0.2 dan MPM = 0.3, tentukan
(i) nilai kesan-kesan pantulan bagi negara V dan W;
(ii) negara yang lebih maju ekonominya. Berikan alasan.
(17 markah)

...2/-

3. Anda diminta mengemukakan suatu fungsi eksport getah negara yang lengkap.

(a) Apakah faktor-faktor yang anda akan ambil kira?

(5 markah)

(b) Bagaimanakah faktor-faktor yang anda kenalpasti itu akan mempengaruhi prestasi eksport.

(10 markah)

(c) Terangkan cara mana anda jangka dapat memperolehi data-data berkenaan.

(5 markah)

(d) Kemukakan fungsi eksport yang anda fikirkan sesuai dan lengkap dengan takrif-takrifnya sekali.

(5 markah)

4 (a) Kenapakah kebanyakan negara-negara dunia memerlukan kepada modal import?

(7 markah)

(b) Perancangan pelaburan negara A memerlukan modal \$1,000 bilion dengan kadar tambahan kompaun purata 5 peratus setahun, sedangkan jumlah pembentukan modal (tabungan) dalam negara hanya \$800 bilion dengan jangkaan kadar tambahan kompaun purata 10 peratus. Kemukakan satu model penyelesaian yang berasaskan kepada "model pertumbuhan melalui pinjaman modal asing" sekiranya kadar bunga pinjaman ialah 10 peratus setahun yang mesti dilunaskan pada setiap akhir tahun oleh negara A. Tentukan nilai

(i) jumlah aliran masuk sumber bersih,

(ii) jumlah pinjaman bersih,

(iii) jumlah pinjaman terkumpul selepas empat tahun meminjam.

(18 markah)

...3/-

5. (a) Apakah kebaikan-kebaikan pelaburan terus asing (FDI) berbanding dengan pinjaman asing?

(10 markah)

(b) Benarkah FDI juga mempunyai "kos kadar bunga" yang ditanggung oleh negara-negara tuan rumah kepada FDI? Buktikan.

(15 markah)

6. Tulis sebuah esei menerangkan ciri-ciri utama tentang salah satu daripada perkara-perkara berikut:- [25 markah]

(a) Fahaman Perlindungan Perdagangan (Trade Protectionism)

(b) Integrasi Ekonomi Dunia (International Economic Integration).

(c) Order Baru Ekonomi Dunia (New International Economic Order)

- oo oOo oo -